

PENTAKSIRAN AKHIR TAHUN SEJARAH TINGKATAN 1 2020

Soalan 1 hingga soalan 40

1. Pilih padanan konsep masa dengan maksud yang betul.
A Abad - Jangka waktu seribu tahun
B Dekad - Jangka waktu sepuluh tahun
C Zaman - Tahun selepas kelahiran Nabi Isa
D Masihi - Jangka masa yang mempunyai keistimewaan
2. Apakah maksud masa silam?
A Urutan peristiwa yang telah berlaku
B Kisah perjalanan hidup seorang tokoh
C Kisah pengembaraan seorang pengembara
D Penceritaan tentang sesebuah masyarakat
3. Senarai berikut menunjukkan sumber sejarah.

- Fajar Sarawak
 - Utusan Melayu

Apakah jenis sumber tersebut ?
A Asli
B Primer
C Pertama
D Sekunder
4. Apakah tujuan kita mempelajari sejarah?
I Menguatkan jati diri
II Membenci kuasa asing
III Menanamkan sifat kesukuan
IV Memupuk semangat patriotisme
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
5. Antara berikut, yang manakah merupakan lautan?
A Hindi
B Eropah
C Oceania
D Antartika
6. Kecairan air batu pada Zaman Air Batu Akhir menyebabkan kawasan tanah rendah ditenggelami air dan membentuk
A tasik
B benua
C gunung
D daratan

7. Apakah ciri keistimewaan manusia yang tinggal di rantau Asia Tenggara khususnya di Pentas Sunda?
- A Berbeza budaya
 - B Berasal dari benua Eropah
 - C Berkongsi bahasa yang sama
 - D Berubah menjadi masyarakat yang baharu

8. Senarai berikut menunjukkan lokasi Zaman Prasejarah di dunia.

- Catal Huyuk
- Gobekli Tepe

Lokasi Zaman Prasejarah tersebut terletak di

- A Turki
 - B China
 - C Britain
 - D Sepanyol
9. Apakah maksud Zaman Prasejarah?
- A Manusia tidak tahu membaca
 - B Manusia hidup secara nomad
 - C Manusia hidup dalam kesejukan
 - D Manusia belum mengenal sistem tulisan
10. Batu mengalut telah ditemui di Pengkalan Kempas, Negeri Sembilan. Apakah kesimpulan yang boleh dibuat daripada penemuan tersebut?
- A Nilai kreatif dan inovatif
 - B Memanfaatkan sumber alam
 - C Batu penting dalam kehidupan
 - D Amalan kepercayaan dan ritual
11. *Mudun, Madain, dan Madana* membawa maksud
- A kemajuan dalam masyarakat
 - B tinggi budi bahasa dan pembukaan bandar
 - C petempatan masyarakat
 - D kewujudan bandar atau kota
12. Pilih padanan bandar dengan lokasi yang betul
- | | |
|----------------|-------------------|
| A Uruk | - Sungai Indus |
| B Anyang | - Sungai Tigris |
| C Memphis | - Sungai Nil |
| D Mohenjo Daro | - Sungai Huang He |
13. Berikut merupakan lokasi tamadun awal dunia.

Tamadun X = Sungai Indus

Apakah X ?

- A Mesir Purba
- B Indus
- C Mesopotamia
- D Huang He

14. Apakah fungsi kawasan Bulan Sabit Subur dalam Tamadun Mesopotamia?
- A Perkilangan
 - B Perbandaran
 - C Perlombongan
 - D Perkampungan
15. Mengapakah Mesir dikatakan Hadiah Sungai Nil?
- A Pelabuhan maju
 - B Kegiatan perikanan
 - C Kawasan tanah yang subur
 - D Suasana aman damai
16. Apakah kepentingan piramid dalam tamadun Mesir Purba?
- A Rumah ibadat
 - B Pelabuhan utama
 - C Kawasan perkuburan firaun
 - D Tempat perkumpulan penduduk

Soalan 17 berdasarkan pernyataan di bawah :

- Berkembang di Semenanjung Greece dan pulau-pulau di Laut Aegean serta Laut Mediterranean.
- Terkenal dengan Negara-kota atau Polis.
- Penduduknya dikenali sebagai pelayar yang handal.

17. Pernyataan di atas merujuk kepada salah satu tamadun yang berkembang antara tahun 1000 SM hingga 800 SM. Apakah nama tamadun tersebut?
- A Tamadun Rom
 - B Tamadun Yunani
 - C Tamadun China
 - D Tamadun India
18. Sistem politik Athens berbentuk
- A Teokrasi
 - B Republik
 - C Monarki
 - D Demokrasi

Soalan 19 berdasarkan pernyataan di bawah :

Tamadun Yunani dan Tamadun Rom menunjukkan peningkatan yang tinggi dalam pelbagai bidang.

19. Antara pernyataan yang berikut, manakah yang berkaitan dengan peningkatan tamadun?
- A Kelangsungan manusia mencipta teknologi berasaskan inovasi terkini.
 - B Kebolehan manusia meningkatkan ekonomi agar lebih kukuh.
 - C Kesungguhan manusia menjalin hubungan serantau.
 - D Kemampuan manusia menggunakan pemikiran dan alam sekitar.

20. Apakah fungsi Dewan Perhimpunan di Athens?
- I Mahkamah orang awam
 - II Melantik ahli majlis
 - III Menguruskan hal ehwal pendidikan
 - IV Melaksanakan dasar-dasar
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
21. Antara yang berikut manakah pernyataan yang menunjukkan masyarakat Sparta mementingkan latihan ketenteraan?
- A Rakyat perlu berjiwa patriotik
 - B Dua orang raja sebagai ketua kerajaan
 - C Kaum wanita tidak terlibat dalam ketenteraan
 - D Anak lelaki dilatih dari awal menjadi tentera
22. Apakah persamaan antara sistem demokrasi Yunani dengan sistem demokrasi di Malaysia?
- A Raja sebagai ketua kerajaan
 - B Rakyat terlibat dalam pemerintahan
 - C Dewan Negara meluluskan belanjawan
 - D Dewan Negara menentukan Ketua Negara
23. Tamadun Rom terbahagi kepada tiga zaman iaitu
- A Zaman Purba, Zaman Pertengahan, Zaman Akhir
 - B Zaman Beraja, Zaman Republik, Zaman Empayar
 - C Zaman Beraja, Zaman Dinasti, Zaman Maharaja
 - D Zaman Dinasti, Zaman Republik, Zaman Empayar
24. Tamadun Rom mencapai zaman kegemilangan pada zaman Pax Romana 27 SM hingga 180 SM. Mengapakah zaman tersebut dikatakan mencapai zaman kegemilangan?
- A Kestabilan ekonomi
 - B Hubungan luar berkesan
 - C Meluaskan empayar
 - D Mencapai keamanan
25. Seni bina agung Tamadun Rom ialah Colosseum. Apakah fungsi Colosseum terhadap masyarakat Rom?
- A Pemujaan dewa
 - B Pusat pentadbiran
 - C Pertarungan pahlawan
 - D Penyimpanan patung
26. Apakah maksud kerajaan *janapada* ?
- A Kerajaan kecil
 - B Kerajaan besar
 - C Kerajaan merdeka
 - D Kerajaan yang dijajah

27. Mengapakah kekuatan ketenteraan penting dalam dasar perluasan kuasa?

- A Mengalahkan serangan musuh
- B Melancarkan hal pentadbiran
- C Mengukuhkan taat setia rakyat
- D Menjamin kemakmuran ekonomi

28. Senarai berikut merupakan dinasti dalam tamadun India.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Dinasti Nanda• Dinasti Maurya• Dinasti X |
|--|

Apakah X?

- A Asoka
- B Gupta
- C Kalinga
- D Magadha

29. Apakah lokasi perkembangan Tamadun China ?

- A Perkilangan
- B Perbandaran
- C Perlombongan
- D Perkampungan

30. Apakah tumpuan pendidikan rendah dalam sistem pendidikan Tamadun China ?

- A Menulis
- B Menghafal
- C Mengarang
- D Menterjemah

31. Bagaimanakah seorang petani boleh meningkatkan taraf hidup dalam Tamadun China?

- A Menjadi pedagang
- B Menganggotai pasukan tentera
- C Mengarang karya kesusasteraan
- D Mengambil peperiksaan perkhidmatan awam

32. Maklumat berikut berkaitan dengan Empangan Maarib.

Keruntuhan Empangan Maarib pada tahun 300 M

Mengapakah masyarakat Arab tidak mampu membina semula Empangan Maarib?

- A Tiada tenaga kerja
- B Tidak mempunyai modal
- C Tiada pemimpin yang berwibawa
- D Tidak mempunyai ilmu pengetahuan

33. Nilai moral masyarakat Arab Jahiliah berada pada tahap yang rendah. Pernyataan ini dapat dikaitkan dengan

- A Tidak menyembah Tuhan
- B Tidak mempunyai ilmu pengetahuan
- C Mengamalkan riba, zina dan berjudi
- D Memuja alam seperti pokok dan matahari

34. Pembukaan semula kota Makkah yang dipimpin oleh Nabi Muhammad SAW telah memberi kesan kepada umat Islam.
Apakah kesan daripada pembukaan semula kota Makkah?
- I Makkah menjadi kota suci umat Islam
 - II Makkah berkembang maju
 - III Lebih ramai memeluk agama Islam
 - IV Nabi Muhammad SAW meluaskan pengaruhnya
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
35. Apakah sumbangan Khalifah Abu Bakar Al-Siddiq ?
- A Membuka wilayah baru
 - B Memerangi golongan murtad al-Riddah
 - C Membahagikan wilayah Islam
 - D Menjalin hubungan dengan Rom
36. Pilih urutan yang betul tentang Zaman kerajaan Islam.
- A Umayyah -- Abbasiyah -- Turki Uthmaniyah
 - B Abbasiyah -- Turki Uthmaniyah -- Umayyah
 - C Umayyah -- Turki Uthmaniyah -- Abbasiyah
 - D Turki Uthmaniyah -- Umayyah -- Abbasiyah
37. Apakah strategi yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW dalam Perang Khandak ?
- A Penggalian parit
 - B Serangan hendap
 - C Penggunaan bahan letupan
 - D Pembinaan tembok pertahanan
38. Maklumat berikut berkaitan dengan konsep ummah.
- Konsep ummah dalam Tamadun Islam sangat bertepatan dengan negara Malaysia
- Antara berikut, yang manakah bukan konsep ummah?
- A Masyarakat hidup dalam negara Islam
 - B Masyarakat bekerjasama memajukan negara
 - C Masyarakat mempunyai tanggungjawab yang sama
 - D Masyarakat disatukan tanpa mengira agama dan keturunan
39. Mengapakah reka bentuk Masjid Cordoba di Sepanyol dibuat melengkung?
- A Memberikan keselesaan
 - B Mewujudkan rasa tenang
 - C Memudahkan pengudaraan
 - D Melambangkan perasaan hormat
40. Apakah tujuan utama pembinaan menara dalam seni bina Islam?
- A Penanda arah kiblat
 - B Sebagai mercu tanda
 - C Tempat membaca khutbah
 - D Laungan azan dapat didengari dari jarak jauh